

05/09/1998

Megat Junid perjelas kedudukan

KUALA LUMPUR, Jumaat - Ahli Majlis Tertinggi (MT) Umno, Datuk Seri Megat Junid Megat Ayob menafikan pembabitannya dalam apa yang didakwa sebagai pakatan politik peringkat tertinggi untuk menjatuhkan bekas Timbalan Perdana Menteri, Datuk Seri Anwar Ibrahim.

Menurutnya, beliau tidak mempunyai sebab untuk menjatuhkan bekas pemimpin itu kerana pernah berkhidmat serta menyokong Anwar terutama pada peringkat awal kerjaya politiknya.

"Tahun lalu saya mendapat tahu daripada orang-orang Anwar, kononnya saya terbabit. Saya sudah menyatakan kepada Anwar saya tidak terbabit dalam hal itu.

"Ini kerana tidak ada sebab saya hendak terbabit kerana sayalah orang yang paling kuat bekerja menaikkan Anwar...lawan Datuk Suhaimi Kamaruddin (bekas Ketua Pemuda Umno) pada 1982 dan menduduki jawatan Timbalan Presiden parti pada 1993.

"Jadi tidak ada sebab orang yang saya sokong kuat, tiba-tiba saya nak jatuhkan," katanya kepada pemberita selepas melancarkan Jualan Sempena Sambutan Kuala Lumpur `98 di sini, hari ini.

Megat Junid yang juga Menteri Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna berkata, dalam politik beliau pernah menganggap Anwar sebagai `orang kedua' selepas Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad.

Menurutnya, pendirian itu sudah dinyatakan kepada Anwar lama dahulu.

(END)